

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

YFP 206/NKM 022 - Asas-Asas Penerbitan Audio

Masa: [3 jam]

Jawab **Soalan 1** dan **DUA** (2) soalan lain.

1. Andaikan anda ditugaskan menerbitkan satu rancangan majalah radio di dalam siri majalah radio mingguan "Di Sekitar Kampus" (jangka masa 20 minit). Rancangan yang akan anda terbitkan itu adalah rancangan khas bertemakan "menjelang peperiksaan" untuk disiarkan sebelum peperiksaan di USM bermula untuk semester yang baru lalu. Andaikan juga majalah ini akan disiarkan melalui Radio USM dan pendengar utamanya adalah masyarakat kampus USM.

Senaraikan bentuk dan isi kandungan bahan-bahan yang ingin anda masukkan di dalam rancangan ini. Seterusnya bincangkan bagaimanakah anda akan menjalankan tugas-tugas penyelidikan, pengutipan dan penyediaan bahan-bahan ini.

Dengan mengandaikan semua bahan yang dikehendaki itu boleh diperolehi, tulis satu rangka skrip penyampaian untuk menyampai majalah ini. Rangka skrip ini harus juga menunjukkan di mana muzik dan bahan yang sudah disediakan itu akan diselitkan.

(40 markah)

2. Satu kelemahan radio adalah perkara yang diucapkan melalui radio hanya boleh didengar sekali sahaja dan tidak dapat dirujuk balik. Terangkan bagaimanakah kelemahan ini boleh diatasi dengan penulisan skrip yang baik dan efektif.

(30 markah)

...2/-

3. Di dalam menjalankan satu sesi kontinuiti, juruhebah menghadapi berbagai cabaran. Berasaskan kepada pengalaman anda sebagai juruhebah bertugas di dalam sesi kontinuiti, bincangkan apakah kesulitan-kesulitan yang boleh timbul dan apakah cara untuk mengatasinya.

(30 markah)

4. Berasaskan kepada pendengaran anda kepada mana-mana rangkaian Radio Malaysia yang anda suka untuk masa-masa yang tertentu, bincangkan apakah kekuatan dan apakah kelemahan rangkaian tersebut pada amnya. Di mana boleh beri contoh untuk memperkuatkan pendapat anda.

(30 markah)

-oooOooo-